



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

20 February 2016

### MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sejak pengumuman Shell Overseas Holding Ltd (SOHL) mengenai penjualan 51% kepentingan dalam Shell Refining Company [syarikat yang disenaraikan] (SRC) pada harga diskaun sebanyak 64% daripada harga pasaran kepada Shandong Hengyuan Petrochemical Group berikut adalah pendapat dan penelitian saya mengenai perkara tersebut:

- Penjualan 51% saham oleh pemegang saham induknya iaitu Shell Overseas Holding Ltd di dalam syarikat tersenarai di Malaysia iaitu Shell Refining Company yang mana operasi utama adalah dalam penapisan minyak adalah berasaskan justifikasi strategik syarikat induknya.

Keputusan strategik syarikat induk di Belanda adalah melepaskan cabang penapisan mereka di peringkat global di mana mereka telahpun melupuskan perniagaan hiliran mereka di Australia, Norway, Jepun, UK, Perancis, Denmark, Jerman dan lain-lain. Berikutan strategi ini, loji penapisan SRC di Malaysia juga dijual.

In adalah seperti satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh Shell Overseas Holdings Limited pada hari Khamis lalu, kandungannya yang maklumkan sekali lagi semasa taklimat kepada MSWG hari Jumaat :

- Justifikasi kewangan mengenai penjualan tersebut mengambil kira kenyataan oleh SRC selepas Mesyuarat Agung Tahunan pada bulan Jun tahun lepas termasuk lebih satu bilion ringgit obligasi hutang yang perlu dibayar. Tambahan pula, perbelanjaan modal yang melebihi USD 500 juta untuk menaik taraf kilang penapisan supaya menepati piawaian antarabangsa daripada Euro 2 kepada Euro 4 dalam masa dua tahun.

Diskaun harga kepada harga pasaran adalah kira-kira 64%. Dalam penjelasannya, SOHL menyatakan harga tawaran itu adalah selepas mengambil kira liabiliti di dalam bukunya. Oleh yang demikian harga yang di jual adalah setimpal nilai intrinsik, dan ia tidak mengambil kira perbelanjaan modal yang besar untuk menaik taraf loji.

- Bagaimanapun, MSWG mempersoalkan tentang:

- Sama ada syarikat induk telah melakukan proses pembidaan yang kompetitif. Menurut wakil SOHL, terdapat pelbagai pembida tempatan dan luar negara bagi 51% kepentingan mereka dalam SRC. Selepas melalui proses yang sewajarnya, mereka mengambil keputusan memilih Malaysia Hengyuan International Limited (MHIL) kerana penawaran yang diterima adalah pasti dan boleh-bayar menurut pihak SOHL.

Kami juga telah membuat penyelidikan latar belakang Shandong Hengyuan Petrochemical Group, yang merupakan syarikat induk MHIL dan sebuah perusahaan milik negara yang besar di China yang terlibat dalam bidang kejuruteraan petrokimia dan penapisan minyak. MHIL kelihatan seperti mempunyai kepakaran teknikal, operasi dan kewangan, termasuk memenuhi semua obligasi hutang dan menaik taraf loji penapisan SRC.

Walau bagaimanapun, kami meminta wakil SOHL menyampaikan mesej kami kepada MHIL untuk mempertimbangkan harga tawaran yang lebih tinggi sekiranya ada tawaran alternatif yang lebih menarik.

- SOHL dan SRC sepatutnya dari mulanya menyampaikan justifikasi pelupusan dan alasan kewangannya dengan cara yang lebih jelas dan wajar dan cepat supaya para pemegang saham mendapat pemahaman dengan teliti. Itulah satu-satunya obligasi pemegang saham induk terhadap pemegang saham minoriti mereka yang telah bersama-sama sejak penubuhan mereka di Malaysia. Ini memandangkan dunia kini sedang mengalami salah satu fasa kemerosotan minyak yang teruk. Para pemegang saham mungkin boleh bersimpati dengan penjelasan mengenai penjualan ini.

MSWG akan menganjurkan satu forum sebagai platform bagi semua pemegang saham SRC untuk lebih memahami penjualan ini serta mengetengahkan sebarang isu yang membimbangkan mereka.

Rita

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
 Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
 Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
 Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
 Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
 Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
 Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*